

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Tuesday, March 12, 2019 9:01 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Universiti 4.0 – Masa Depan Baharu Dunia Pendidikan



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia

12 MAC 2019 / 05 REJAB 1440H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Mohd Amir Aizat Sainon
Gambar oleh: Abdul Halim Husain

UNIVERSITI 4.0 – MASA DEPAN BAHARU DUNIA PENDIDIKAN



UUM ONLINE: Bagi memberi kefahaman lebih mendalam kepada warga Universiti Utara Malaysia (UUM) mengenai senario pendidikan di era Revolusi Industri 4.0, Jabatan Pendaftar telah menganjurkan Syarahan Umum bertajuk "Cabaran dan Masa Depan Universiti dalam Era Revolusi Industri 4.0" bertempat di Dewan Seminar A, Pusat Konvensyen.

Syarahan disampaikan oleh Ketua Kumpulan Penyelidikan Information and Service Systems Innovation (ISSI), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Prof. Dr. Rose Alinda Alias, memfokuskan bentuk pendidikan di era Revolusi Industri 4.0 khususnya di universiti.

Menurut beliau, Revolusi Industri 4.0 merujuk kepada transformasi penggunaan sistem fizikal-siber di dalam industri.

"Ramai yang memberi contoh yang tidak tepat mengenai Revolusi Industri 4.0 dengan memberi contoh Revolusi Industri 3.0 iaitu Penggunaan Teknologi komunikasi dan maklumat (ICT) sahaja. Yang menjadikan Revolusi Industri ke-4 adalah apabila teknologi digital, sistem fizikal dan biologikal digabungkan menjadi satu.

"Apabila kita sebut mengenai 4.0, tidak kira apa jua industri, harus ada tiga ciri utama iaitu mendigitalkan, mengintegrasikan (rantai nilai horizontal dan vertical) dan model perniagaan digital dan akses pelanggan," ujarnya.

Jelasnya, rantai nilai bagi universiti ialah disiplin ilmu.

"Jika rantai nilai bagi industri adalah bahan mentah, rantai nilai bagi universiti adalah disiplin ilmu. Sebagai contoh disiplin ilmu pengurusan diolah menjadi program akademik seterusnya menjadi proses pembelajaran, penyelidikan, dan khidmat masyarakat.

"Jika kita mahu menghasilkan Universiti 4.0, rantai nilai ini harus digabungkan menjadi satu dengan bantuan teknologi. Jika kita lakukan semua ini barulah kita boleh mendakwa telah melaksanakan Universiti 4.0 ciri pertama.

"Ciri kedua pula ialah mendigitalkan semua produk dan perkhidmatan yang universiti tawarkan; dan ciri ketiga ialah mencipta model perniagaan digital dan akses pelanggan," kata beliau.

Tambah Prof. Dr. Rose Alinda, satu lagi aspek penting dalam industri 4.0 adalah big data.

"Data dengan volume yang sangat besar dan pelbagai bentuk (big data) boleh diperkasakan melalui konsep analitik. Apabila kita membuat analisis ke atas big data itu dan kita gunakannya untuk mentransformasi industri tersebut, disitulah ia menjadi 4.0.

"Aspek penting dalam Kurikulum Tersedia Masa Hadapan (future-ready curriculum) adalah inovasi yang dipacu oleh data (data driven innovation). Idea Kurikulum Tersedia Masa Hadapan adalah pelajar di masa hadapan akan boleh membentuk kurikulumnya sendiri. Data mengenai minat, kekuatan, kecenderungan seseorang pelajar itu akan dianalisis seterusnya membentuk kurikulumnya sendiri yang berbeza dengan pelajar lain, ianya boleh dilakukan melalui analisis big data," katanya.

Beliau turut menyentuh mengenai Digital Government Competency and Capability Readiness (DGCCR) yang diperkenalkan Jabatan Perkhidmatan Awam, iaitu rangka kerja untuk membangunkan kemahiran dan keupayaan penjawat awam di semua peringkat dan peranan; merentasi semua aspek penyampaian perkhidmatan awam dalam usaha memastikan Rakyat mendapat perkhidmatan terbaik melalui saluran digital.

Hadir sama, Dekan Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Melayu, Prof. Madya Dr. Fauziah Abdul Rahim.

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
04-928 3048/3049/3052/3061
04-928 3053
ukkuum@uum.edu.my
Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.